

29 JAN 2004

DR MAHATHIR DIHADIAH KAPAL LAYAR

PUTRAJAYA, 29 Jan (Bernama) -- Bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini menerima hadiah sebuah kapal layar buatan sebuah syarikat dari United Kingdom.

Upacara penyerahan hadiah itu dilangsungkan di Kelab Tasik Putrajaya di sini.

Malangnya, cuaca yang tidak berangin di sini tidak membolehkan satu demonstrasi diadakan mengenai bot itu -- Topaz Uno Plus -- satu daripada pelbagai model yang dijual di negara ini oleh Dawn Aqua Sdn Bhd.

Bot itu diserahkan kepada Dr Mahathir oleh pengerusi eksekutif Dawn Aqua, Tan Sri Abdul Wahab Nawi, dan pengarah eksekutifnya, Ian Anderson.

Anderson memberitahu pemberita kemudian bahawa bot seperti itu amat popular di seluruh dunia dan berharap rakyat negara ini juga akan menggemarinya.

-- BERNAMA  
MAM MAI